

## **MAZHAB SYAFIE: PENGARUH DAN PERKEMBANGANNYA DI NUSANTARA**

### ***MAZHAB SYAFIE: ITS INFLUENCE AND PROGRESSION IN THE ARCHIPELAGO***

**Mohd Yusri Bin Ibrahim**

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan (UPSI), Malaysia.  
(Email: [mohyusri@yahoo.com.my](mailto:mohyusri@yahoo.com.my) )

**Received date:** 17-09-2019

**Revised date :** 01-10-2019

**Accepted date:** 06-10-2019

**Published date:** 05-12-2019

**To cite this document:** Ibrahim, M. Y. (2019). Mazhab Syafie: Pengaruh dan Perkembangannya di Nusantara. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 51-62.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.28004

---

**Abstrak :** Penulisan ini membicarakan mengenai sejarah Mazhab Syafie , perkembangan mazhab Syafie , kemunculan tokoh –tokoh Mazhab Syafie dan pengaruh mazhab Syafie di Nusantara khasnya dalam konteks kesan dan implikasi mazhab Syafie ke atas umat Islam dan negara dalam memelihara keharmonian ummah . Kajian ini melibatkan kajian kualitatif daripada analisis dokumen meliputi karya sarjana Islam . Hasil kajian ini dapat memberikan satu pernyataan bahawa Mazhab Syafie adalah unsur kepada perpaduan pelbagai masyarakat di Nusantara . Mazhab Syafie juga memberikan impak yang besar kepada penyatuan ummah yang mempunyai kepelbagaiannya kaum dan etnik dengan penerimaan mazhab ini dalam segenap bidang kehidupan masyarakat Islam di Nusantara.

**Kata Kunci:** Mazhab, Syafie, Impact, Nusantara, Ummah

**Abstract :** This article discusses the history of the Syafie sect, the emergence and character of the Syafie sect and the influence of the Syafie sect in the archipelago in the context of the impact and implications on the Syafie sect on Muslims and the country in maintaining the harmony of the Ummah. This study involves qualitative studies from document analysis including Islamic scholarly books. The results of this study provide a statement that the Syafie sect is an element of the unity of the various societies in the Archipelago. The Shafie sect also had a profound impact on the unification of people of various races and ethnicities by embracing this sect in all areas of Muslim life in the Archipelago.

**Keywords:** Mazhab, Syafie, Implications, Archipelago, Ummah

## **Pendahuluan**

Menurut bahasa “*mazhab*” berasal dari *shighah mashdar mimy* ( kata sifat ) dan *isim makan* (kata yang menunjukkan tempat) yang diambil dari *fi'il madhi* “*dzahaba*” yang bererti “*pergi*” (Mahmud Yunus, 1990) Sementara menurut Huzaemah Tahido Yanggo , *mazhab* juga bererti *al-ra'yu* yang ertinya “*pendapat*” (Huzaemah Tahido Yanggo, 2003) Sedangkan secara terminologis pengertian *mazhab* menurut Huzaemah Tahido Yanggo, adalah pokok pemikiran atau dasar yang digunakan oleh imam Mujtahid dalam memecahkan persoalan masalah, atau mengistinbatkan hukum Islam. Selanjutnya Imam *mazhab* dan *mazhab* itu berkembang pengertiannya menjadi kelompok umat Islam yang mengikuti cara istimbath Imam Mujtahid tertentu atau mengikuti pendapat Imam Mujtahid tentang masalah hukum Islam. Dapatlah disimpulkan bahwa yang dimaksudkan *mazhab* meliputi dua pengertian iaitu:

- a. *Mazhab* adalah jalan pemikiran atau metod yang ditempuh seorang Imam Mujtahid dalam menetapkan hukum suatu peristiwa berdasarkan kepada al-Qur'an dan hadis.
- b. *Mazhab* adalah fatwa atau pendapat seorang Imam Mujtahid tentang hukum suatu peristiwa yang diambil dari al-Qur'an dan hadis.

Penulisan ini akan membicarakan mengenai sejarah Mazhab Syafie , kemunculan tokoh – tokoh Mazhab Syafie dan pengaruh Mazhab Syafie di Nusantara khasnya dalam konteks kesan dan impilaksi Mazhab Syafie ke atas umat Islam dan negara dalam memelihara keharmonian ummah di Nusantara.

## **Metodologi Kajian**

Penulisan kajian ini berpandukan kepada kaedah kualitatif berdasarkan daripada buku-buku penulisan sarjana –sarjana Islam yang kemudian dianalisis untuk dikumpulkan maklumat berkenaan topik ini. Bagi mengumpulkan maklumat berkaitan topik di atas juga , penulis telah membuat pembacaan buku dan makalah berkaitan di perpustakaan yang bertujuan untuk memperoleh sesuatu maklumat semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noh (2002), reka bentuk deskriptif biasanya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta berkaitan yang Mazhab Syafie dan pengaruhnya di Nusantara secara fakta dan tepat.

## **Kajian Literatur**

Terdapat kajian yang menyelidiki dari segi perkembangan mazhab-mazhab dalam Islam. Dalam perkembangan mazhab-mazhab fiqh telah muncul banyak mazhab fiqh. Menurut Ahmad Satori Ismail , para ahli sejarah fiqh telah berbeza pendapat sekitar bilangan mazhab-mazhab. Tidak ada kesepakatan para ahli sejarah fiqh mengenai berapa jumlah mazhab-mazhab yang ada. ( Ahmad Satori Ismail, 2003) Namun dari begitu banyak mazhab yang pernah ada, maka hanya beberapa mazhab saja yang bertahan sampai sekarang. Menurut M. Mustofa Imbab, mazhab-mazhab yang masih bertahan sampai sekarang ialah tujuh mazhab saja iaitu : mazhab Hanafi, Maliki, Syafii, Hambali, Zaidiyah, Imamiyah dan Ibadiyah. (A. Hasjmy, 1995)

Di samping itu, karya-karya ulama Mazhab Syafie banyak mencorak kehidupan masyarakat Islam di Nusantara. Menurut kajian Auni Haji Abdullah (2005), karya-karya Mazhab Syafie seperti kitab Sirat al-Mustaqim sebuah karya yang menghuraikan soal ibadat, sosial dan politik, ia ditulis berdasarkan kitab-kitab besar fekah Mazhab Syafie seperti Minhaj al-Talibin oleh al-Nawawi, Tuhfah al-Muhtaj oleh Ibn Hajar dan Nihayah al- Muhtaj oleh al-Ramli. Kitab Sabil al-Muhtadin juga diminati oleh masyarakat Islam disebabkan menggunakan penulisan yang mudah difahami oleh masyarakat dalam yang menyentuh hal-hal ibadat. Kitab Furu'

al-Masail merupakan karya paling tebal sebanyak 667 halaman yang terdiri daripada 2 jilid ditulis berdasarkan kitab Fatawa oleh Imam al-Ramli dan kitab Kashf al-Litham oleh Jalal al-Din al-Mahalli. Ketiga-tiga karya yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu ini sangat popular di kalangan umat Islam Nusantara dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan umat Islam. Manakala kajian Saadan Man, Abdul Karim Ali, Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli dan Inarah Ahmad Farid (2009) pula menyetujui pengaruh mazhab ini amat sinonim dengan jiwa masyarakat Nusantara sehingga membawa kepada satu perasaan tidak selesa apabila terdapat unsur-unsur pengaruh mazhab lain yang cuba menyerap masuk ke dalam kehidupan beragama masyarakat Melayu.

### **Kemunculan Mazhab Syafie**

Mazhab Syafie diasaskan oleh Imam Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafie mempunyai nasab yang bertemu dengan Rasul iaitu dengan datuk beliau yang bernama Abd Manaf(Abdul Latif Talib,2010). Beliau lahir di Ghazah, Palestin, dan wafat di Mesir. Beliau menimba ilmu di Mekah sehingga berumur 15 tahun dan diberikan keizinan berfatwa, kemudian beliau pindah ke Madinah berguru dengan Imam Malik sampai wafat, lalu mengembara ke Yaman untuk berguru dengan Yahya bin Hassan Murid Imam al-Auza'i, beliau ditangkap pada tahun 184 Hijrah, kerana didakwa menentang pemerintahan Abbasiyah dan dibawa ke Baghdad ,di sini lah beliau bertemu dengan Imam Muhammad al-Syaibani dari Mazhab Hanafi, beliau terus mengembara untuk belajar dan mengembangkan ilmunya sampailah akhirnya beliau menetap di Mesir pada tahun 199 Hijrah .Oleh kerana Imam Syafie banyak mengembara dalam menuntut ilmu maka mazhabnya juga merupakan kombinasi dari beberapa madrasah atau pemikiran dan kecenderungan, beliau mengambil sikap tengah antara Madrasah Ahlul Hadith (menolak ijtihad-qiyas) dan Madrasah Ahlul Ra'yi (menolak hadith ahad), beliau tidak menolak hadith Ahad yang sahih,dan menolak hadith Mursal yang bukan oleh khabar Tabi'in dan beliau menggunakan metod qiyas . Beliau adalah seorang ahli hadith yang banyak menghafal hadith dan dalam kaedah fiqhnya, hadith adalah sebagai sharih, muqayyid, Mufassil, dan Mukhassis kepada al-Qur'an, sumber ketiga setelah al-Qur'an dan Sunnah adalah Ijma' dan kemudian aqwal al-Sahabah dan yang terakhir adalah Qiyas, dengan ini beliau menolak Istihsan dan Istislah atau amal ahli madinah. Imam Syafie menulis buku tentang Usul fiqh, kitabnya al-Risalah adalah kitab pertama yang membincangkan tentang ilmu itu, dan kitab kedua adalah kitab al-Umm yang khusus membicarakan tentang mazhabnya dalam fiqh. Di antara murid beliau yang tersebar di Iraq dan Mesir adalah: al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi, al-Hasan bin Muhammad al-Za'farani, Abu Ali Husein bin Ali al-Karabisi, Isma'il bin Yahya al-Muzni, abu Ya'kub al-Buwaiti dan Imam Nawawi. Mazhab beliau pernah menjadi mazhab rasmi di Mesir dan di negara-negara Asia (M. Ali Hassan,1997) Menurut Ibn Al-Subki bahawa Mazhab Syafie telah berkembang dan menjalar pengaruhnya di merata-rata tempat, di kota dan desa seluruh rantau negara Islam. Pengikut-pengikutnya terdapat di Iraq dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti di Naisabur, Khurasan, Syria, Mesir, Yaman, Hijaz, Iran dan di negara-negara timur lainnya hingga ke India dan sempadan negara China. Penyebaran yang meluas membuktikan kewibawaan peribadi Imam al-Syafie sebagai seorang tokoh ulama dan keunggulan mazhabnya sebagai satu-satunya aliran fiqh yang mencabar aliran zamannya( Mustapha Daud,2004).

Penulisan Imam al-Syafie secara umumnya mempunyai pertalian yang rapat dengan pembentukan mazhabnya. Menurut Muhammad Abu Zahrah, pembentukan Mazhab Syafie hanya bermula sejak kembalinya beliau dari kunjungan ke Baghdad pada tahun 186Hijrah. Sebelum itu Imam al-Syafie adalah salah seorang pengikut Imam Malik yang sering mempertahankan pendapatnya dan juga pendapat fuqaha ahlu Madinah lainnya dari kecaman dan kritikan fuqaha' Ahl Al-Ra'y. Detik terawal mazhabnya bermula apabila beliau membuka

tempat pengajarannya (halaqah) di Masjidil Haram(Muim A.Sirry,1995). Usaha beliau dalam memperkembangkan Mazhab dibahagikan kepada tiga peringkat :-

1. Peringkat Makkah (186 – 195Hijrah )
2. Peringkat Baghdad (195 – 197Hijrah)
3. Peringkat Mesir (199 – 204Hijrah )

Dalam setiap peringkat di atas beliau mempunyai ramai murid dan para pengikut yang telah menerima dan menyebar segala pendapat ijtihad dan juga hasil kajiannya. Memang agak sukar untuk menentukan apakah kitab pertama yang dihasilkan oleh Imam al-Syafie .Kesukaran ini adalah berpunca dari tidak adanya keterangan yang jelas mengenai kedua-dua perkara tersebut. Pengembaraannya dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan pulangnya semula ke tempat awalnya tambah menyukarkan lagi untuk menentukan di tempat mana beliau memulakan usaha penulisannya(A.Hasjmy,1995)

Berdasarkan semakan beberapa buah kitab lama dan baru yang menyentuh sejarah hidupnya, hanya beberapa tanda yang menunjukkan bahawa kitabnya “Al-Risalah” adalah ditulis atas permintaan ‘Abdul Rahman bin Mahdi, iaitu sebuah kitab di dalam Ilmu Usul, keterangan ini tidak juga menyebut apakah kitab ini merupakan hasil penulisannya yang pertama atau sebelumnya sudah ada kitab lain yang dihasilkannya. Di samping adanya pertelingkahan pendapat di kalangan ‘ulama berhubung dengan tempat di mana beliau menghasilkan penulisan kitabnya itu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa beliau menulisnya sewaktu beliau berada di Makkah dan ada juga pendapat yang mengatakan bahawa beliau menulisnya ketika berada di Iraq(Ahmad Satori Ismail,2003)

Kata Ahmad Muhammad Shakir : “ Imam al- Syafie telah mengarang beberapa buah kitab yang jumlahnya agak besar, sebahagiannya beliau sendiri yang menulisnya, lalu dibacakannya kepada orang ramai. Sebahagiannya pula beliau merencanakannya sahaja kepada para sahabatnya. Untuk mengira bilangan kitab-kitabnya itu memanglah sukar kerana sebahagian besarnya telah pun hilang. Kitab-kitab itu telah dihasilkan penulisannya ketika beliau berada di Makkah, di Baghdad dan di Mesir”.Kesimpulannya al-Syafie telah memulakan siri penulisannya sewaktu beliau di Makkah lagi, kitabnya yang pertama yang dihasilkannya ialah kitab “al-Risalah”(Huzaemah Tahido Yanggo,2003)

Di samping “al-Risalah” terdapat sebuah kitab lagi yang sering disebut-sebut oleh para ulama sebagai sebuah kitab yang mengandungi fatwa mazhab qadimnya iaitu “al-Hujjah”. Keterangan mengenai kitab ini tidak menunjukkan bahawa ia adalah kitab pertama yang di tulis di dalam bidang Ilmu Fiqh semasa beliau berada di Iraq, dan masa penulisannya pun tidak begitu jelas. Menurut beberapa keterangan, beliau menghasilkannya sewaktu beliau berpindah ke negara itu pada kali keduanya, iaitu di antara tahun-tahun 195 – 197Hijrah. Sesetengah perawi pula telah menyebut bahawa kitab pertama yang dihasilkan oleh Imam al-Syafie adalah di dalam bentuk jawapan dan perdebatan, iaitu satu penulisan yang dituju khas kepada fuqaha’ ahl al-Ra’y sebagai menjawab kecaman-kecaman mereka terhadap Maliki dan fuqaha’ ahlu-Madinah. Kenyataan mereka ini berdasarkan kepada riwayat Al-Buwaiti : “Kata al-Syafie : Ashab al-Hadith (pengikut Imam Malik) telah berhimpun bersama-sama saya. Mereka telah meminta saya menulis satu jawapan terhadap kitab Abu Hanifah. Saya menjawab bahawa saya belum lagi mengetahui pendapat mereka, berilah peluang supaya dapat saya melihat kitab-kitab mereka. Lantas saya meminta supaya disalinkan kitab-kitab itu.Lalu disalin kitab-kitab Muhammad bin al-Hasan untuk (bacaan) saya. Saya membacanya selama setahun

sehingga saya dapat menghafazkan kesemuanya. Kemudian barulah saya menulis kitab saya di Bagdad( A.Hasjmy, 1995)

Berdasarkan kepada keterangan di atas, kitab pertama yang dihasilkan oleh Imam al-Syafie semasa beliau di Iraq ialah sebuah kitab dalam bentuk jawapan dan perdebatan, dan cara penulisannya adalah sama dengan cara penulisan ahlu al-Ra'y. Ini juga menunjukkan bahawa masa penulisannya itu lebih awal dari masa penulisan kitab “al-Risalah”, iaitu di antara tahun-tahun 184 – 186Hijrah.

Berhubung dengan method penulisan kitab “al-Hujjah” dan lain-lain belum dapat dipastikan kerana manuskrip asalnya tidak ditemui, kemungkinan juga ianya sudah hilang atau rosak disebabkan peredaran zaman. Walau bagaimanapun , method penulisan mazhab di zamannya yang dipengaruhi dengan aliran pertentangan mazhab-mazhab fuqaha’ di dalam beberapa masalah, umpamanya pertentangan yang berlaku di antara mazhab beliau dengan Mazhab Hanafi dan juga Mazhab Maliki. Keadaan ini dapat dilihat dalam penulisan kitab “al-Umm” yang pada asalnya adalah kumpulan dari beberapa buah kitab mazhab qadimnya. Setiap kitab membawa tajuknya yang tersendiri dan kemudiannya dipecahkan kepada bab-bab kecil yang juga mempunyai tajuk-tajuk yang tersendiri. Di dalam setiap bab ini dimuatkan dengan segala masalah fiqh seperti kitab “al-Taharah”, ia mengandungi tiga puluh tujuh tajuk bab kecil, dan kesemua kandungan bab-bab itu ada kaitannya dengan kitab “al-Taharah”.

Ramai di antara para sahabatnya di Iraq yang menggunakan fatwa qadimnya, di antara mereka yang termasyhur terdiri daripada empat orang iaitu :

- 1.Abu Thaur, Ibrahim bin Khalid yang wafat pada tahun 240Hijrah.
2. al-Za’farani, al-Hasan bin Muhammad bin Sabah yang wafat pada tahun 260Hijrah.
3. al-Karabisi, al-Husain bin ‘Ali bin Yazid, Abu ‘Ali yang wafat pada tahun 245Hijrah.
4. Ahmad bin Hanbal yang wafat pada tahun 241Hijrah.

Menurut al-Asnawi, al-Syafie adalah ‘ulama’ pertama yang hasil penulisannya meliputi banyak bab di dalam Ilmu Fiqh. .Perpindahan beliau ke Mesir pada tahun 199Hijrah menyebabkan berlakunya satu rombakan besar terhadap fatwa lamanya. Rombakan ini adalah berpunca dari penemuan beliau dengan dalil-dalil baru yang belum ditemuinya selama ini, atau kerana beliau mendapati hadis-hadis yang sahih yang tidak sampai ke pengetahuannya ketika beliau menulis kitab-kitab qadimnya, atau kerana hadis-hadis itu terbukti sahinya sewaktu beliau berada di Mesir sesudah kesahihannya selama ini tidak beliau ketahui. Oleh kerana itu beliau telah menolak sebahagian besar fatwa lamanya dengan berdasarkan kepada prinsipnya :

“Apabila ditemui sesebuah hadis yang sahih maka itulah mazhab saya”(Mohd Roshidi,2011) Catatan al-Baihaqi itu menunjukkan bahawa al-Syafie mlarang para sahabatnya meriwayat pendapat-pendapat lamanya yang ditolak kepada orang ramai. Walaupun begitu masih ditemui pendapat-pendapat itu di dalam kitab-kitab fuqaha mazhabnya sama ada kitab-kitab yang ditulis fuqaha yang terdahulu atau pun fuqaha’ yang terkemudian. Hal ini berlaku kerana kitab-kitab lamanya yang diriwayatkan oleh al-Za’farani, al-Karabisi dan lain-lain sudah tersebar dengan luasnya di Iraq dan diketahui umum, terutamanya di kalangan ulama dan mereka yang menerima pendapat-pendapatnya itu tidak mengetahui larangan beliau itu.

Para fuqaha itu bukan sahaja mencatat pendapat-pendapat lamanya di dalam penulisan mereka, malah menurut al-Nawawi ada di antara mereka yang berani mentarjihkan pendapat-pendapat itu apabila mereka mendapatinya disokong oleh hadis-hadis yang sahih.Pentarjihan

mereka ini tidak pula dianggap menentang kehendak al-Syafie, malahan itulah pendapat mazhabnya yang berdasarkan kepada prinsipnya : “Apabila ditemui sesebuah hadis yang sahih maka itulah mazhab saya”.

Tetapi apabila sesuatu pendapat lamanya itu tidak disokong oleh hadis yang sahih kita akan menemui dua sikap di kalangan fuqaha’ Mazhab al-Syafie :-

Pertamanya : Pendapat itu harus dipilih dan digunakan oleh seseorang mujtahid Mazhab Syafie atas dasar ia adalah pendapat Al-Shafi’i yang tidak dimansuhkan olehnya, kerana seseorang mujtahid (seperti al-Syafie ) apabila ia mengeluarkan pendapat barunya yang bercanggah dengan pendapat lamanya tidaklah bererti bahawa ia telah menarik pendapat pertamanya, bahkan di dalam masalah itu dianggap mempunyai dua pendapatnya. Keduanya : Tidak harus ia memilih pendapat lama itu. Inilah pendapat jumhur fuqaha’ Mazhab Syafie kerana pendapat lama dan baru adalah dua pendapatnya yang bertentangan yang mustahil dapat diselaraskan antara kedua-duanya.

Di antara kitab-kitab yang beliau hasilkan penulisannya di Mesir ialah : (Romli S.A,1999) :

- i. al-Risalah. Kitab ini telah ditulis buat pertama kalinya sebelum beliau berpindah ke Mesir.
- ii. “al-Umm

### **Perkembangan Mazhab Syafie Di Nusantara**

Ahli sejarah berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara antara abad ke 13 Masihi dan 14 Masihi. Contohnya , mengikut kesan-kesan sejarah yang ditemui di Pahang, Kedah dan bukti mata wang di Kelantan menunjukkan kedatangan Islam lebih awal dari itu. Jika mengambil pendapat majoriti ahli sejarah , menyatakan kedatangan Islam antara abad 13 Masihi dan 14 Masihi (Mohd Yusof,1997) yang membuktikan pendakwah yang datang itu telah dipengaruhi oleh mazhab tertentu, kerana sejak dari abad ke 10 Masihi, setelah perkembangan ijtihad terhenti , negara-negara Islam telah dipengaruhi oleh mazhab empat terutamanya dalam fiqh seperti Mazhab Maliki, Hanafi, Syafie dan Hanbali.

Justeru itu, terdapat bukti pendakwah yang datang ke Malaysia dan Nusantara itu telah dipengaruhi oleh Mazhab Syafie kerana mereka dikatakan datangnya dari Hadhramaut ,Yaman atau Gujerat, India yang terpengaruh dengan Mazhab Syafie . Hasil dakwah dari pendakwah-pendakwah ini menjadikan Malaysia dan Nusantara menerima Islam berdasarkan mazhab Syafie dalam fiqh merangkumi dalam urusan ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah yang dapat dikesan dalam kanun negeri-negeri Melayu dan teks-teks pengajian fiqh serta amalan masyarakatnya ( Zaini Nasohah,2004)

Selain itu ada pendapat , menyatakan pendakwah-pendakwah yang menyebarkan Islam di Nusantara itu adalah datangnya dari luar. Ahli sejarah tidak bersepakat tentang dari mana asalnya pendakwah-pendakwah yang mula datang ke Nusantara. Dalam hal ini ada dua pendapat yang diberikan; satu pendapat mengatakan pendakwah-pendakwah itu dari negara Arab , pendapat ini diterima sebelum tahun 1885, tetapi selepas tahun 1885, timbul pula pendapat kedua yang mengatakan bahawa pendakwah-pendakwah itu datangnya dari India dan bukannya dari negara Arab.

Berdasarkan kenyataan di atas, menampakkan perbezaan pandangan tentang asal datangnya pendakwah-pendakwah itu tetapi apa yang agak menarik dalam penyelesaian perbezaan

pandangan ini ialah apa yang dijelaskan oleh Sayed Naquib al-Attas, di mana beliau memandang bahawa pendakwah-pendakwah itu sebenarnya datang dari satu tempat, iaitu Timur Tengah dan bukannya dari India, cuma mereka itu sebelum sampai ke Nusantara ini telah melalui India dan juga jalan-jalan lain. ( Naquib al-Attas , 2009)

Bagi memperkuatkan pendapat ini beliau mengemukakan alasannya iaitu antara lain kefahaman agama yang dibawa oleh pendakwah-pendakwah itu adalah bersifat Timur Tengah dan bukan India, lagi pula kandungan dan cara penghuraian akidah, pelbagai mazhab ilmu Tasawwuf, tulisan jawi serta corak beberapa huruf-hurufnya, nama gelaran bagi hari-hari mingguan, cara melafazkan al-Quran dan beberapa perkara penting lainnya menyatakan ciri-ciri asal bangsa Arab dan bukannya India sebagai pembawa dan penyebar asli agama Islam di kepulauan Melayu-Indonesia (Nusantara) . Bahkan tarikh kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke 13 Masihi atau 14 Masihi, ternyata jelas dalam peringkat masa tersebut, negara-negara Islam telah dipengaruhi oleh mazhab tertentu dari mazhab yang empat. Perkembangan ini sebenarnya berlaku sejak dari abad 4 Hijrah/10Masihi lagi di mana pada abad ini telah diterima bahawa pintu ijihad telah tidak terbuka lagi dan setiap muslim dikehendaki mengikuti salah satu dari mazhab yang empat iaitu Maliki, Hanafi, Syafie dan Hanbali. Maka, dengan perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa pendakwah-pendakwah yang datang ke Nusantara itu telah dipengaruhi oleh mazhab tertentu di mana mereka itu berada.

Catatan oleh ahli sejarah juga menyatakan bahawa pendakwah-pendakwah yang datang itu adalah bermazhab Syafie sama ada mereka itu datang dari Semenanjung Tanah Arab atau yang datang dari India. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa kawasan Hadhramaut di Semenanjung Tanah Arab, dan Gujerat di India pada waktu kedatangan Islam ke Malaysia dan Nusantara adalah dipengaruhi oleh Mazhab Syafie ( Mohd Yusof,1997)

Memandang kepada pendakwah-pendakwah itu menganut Mazhab Syafie , maka dalam mereka menyampaikan dakwahnya dalam bidang fiqh , mereka terikat dengan tafsiran mazhab yang mereka anuti, dan kesannya dari itu maka masyarakat Nusantara yang menerima Islam dari mereka telah terpengaruh dengan Mazhab Syafie sebagaimana pegangan pendakwah-pendakwah itu sendiri, dan mereka menjadi selesa dengan Mazhab Syafie disebabkan mereka tidak pernah didedah dengan tafsiran mazhab yang lain. Jelasnya, mereka mengenal Islam melalui tafsiran Mazhab Syafie dalam bidang fiqh .(M. Ali Hasan, 1997)

### **Pengaruh Mazhab Shafi'i di Nusantara**

Mazhab Syafie memainkan peranan utama dalam perkembangan pemikiran fiqh kepada masyarakat di Nusantara . Mazhab ini memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Islam Nusantara dan berkembang melalui dua kaedah iaitu :

#### ***Pendidikan***

Dalam pendidikan tradisional Islam di Malaysia dan Indonesia , sama ada pendidikan pondok, masjid , surau , sekolah agama dan pesantren, subjek fiqh dianggap penting dan diajar di institusi-institusi tersebut. Buku-buku teks yang digunakan keseluruhan kandungannya beraliran Mazhab Syafie sama ada buku-buku itu dalam Bahasa Melayu Klasik dalam bertulisan jawi atau buku-buku Bahasa Arab (Muhammad Uthman,1998).

Buku-buku teks yang ditulis dalam bahasa Melayu Klasik Jawi yang digunakan kebanyakannya adalah dari tulisan ulama-ulama Pattani dan Indonesia. Antara buku-buku teks itu ialah karangan Sheikh Dawud b. Sheikh Abdullah al-Fatani; *Kitab Hidayat al-Muta'alim*, *Munat al-Musalli* dan *Kitab Furu' al-Masa'il*; karangan Muhammad b. Ismail Dawud Fatani,

*Kitab al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* dan *Matla' al Badrain*; karangan Muhammad Arshad b. Abdullah al-Banjari, kitab *Sabil al-Muhtadin Li Al-Tafaquh fi Amr al-Din* dan karangan Sheikh Nur al-Din Muhammad Jailani b. 'Ali al-Raniri, kitab *Sirat al-Mustaqim*.

Selain itu, kitab-kitab fiqh dalam Mazhab Syafie yang ditulis dalam bahasa Arab juga digunakan sebagai buku teks. Antaranya ialah karangan Abu Shuja', al-Ghayah; karangan Nawawi, *Minhaj al-Talibin*, karangan Zain al-Din al-Malibari Fath al-Mu'in, karangan *Qalyubi wa 'Umairah*, al-Mahalli; karangan Sayyid al-Bakri 'I'anat al-Talibin dan karangan Zakaria al-Ansari "*Fath al-Wahab bi Sharh Minhaj al-Tullab*".

Memandangkan kepada aras keilmuan yang diajar di pondok, surau, masjid dan sekolah-sekolah agama berasaskan kitab-kitab di atas, menjadi bukti kesan dan impak pengaruh mazhab Syafie dalam masyarakat Nusantara di peringkat awam, atasan dan peringkat ulama . Sikap berpegang kepada Mazhab Syafie berlaku adalah kesan dari proses penyampaian ilmu yang digunakan sebagai buku teks dalam pengajian fiqh di Malaysia dan Nusantara sehingga kini terutamanya di masjid-masjid, sekolah-sekolah pondok dan pengajian halaqah di peringkat masyarakat awam dan institusi kehakiman.

### **Perundangan**

Kesan dari penyebaran Mazhab Syafie ini bukan sahaja mempengaruhi masyarakat umum malah ia juga mempengaruhi sistem keadilan negara kerana sebelum kedatangan penjajah, undang-undang Islam diamalkan di negeri-negeri Melayu dan Singapura dan di Nusantara. Contohnya, di sebelum kemerdekaan Malaysia, sejak dari abad kelima belas apabila undang-undang Melaka iaitu Kanun Melaka dan Kanun Laut Melaka digunakan di negeri Melaka. Kanun ini digubal lebih kurang pada tahun 1444 Masihi mengikut kenyataan Richard Winstedt. Demikian juga undang-undang Pahang iaitu Kanun Pahang yang diguna pakai pada masa pemerintahan Abdul Ghafur di abad keenam belas. Kedua-dua undang-undang ini mengandungi pelbagai bidang perundangan, keluarga, jenayah, muamalat, antarabangsa, prosedur, keterangan dan sebagainya. Undang-undang ini adalah digubal berdasarkan Mazhab Syafie.

Contoh Undang-undang Pahang:

"Bab peri hukuman apabila seseorang akil baligh membunuh seorang orang Islam disahajanya dibunuhyia itu, laki-laki atau perempuan, kecil atau besar maka yang membunuh itu dibunuhi. Bermula tiada harus Islam dibunuhi oleh (membunuhi) kafir. Bermula tiada harus merdeka dibunuhi oleh membunuhi hamba orang." "Peri hukuman segala orang yang murtad. Apabila seseorang Islam murtad disuruh taubat 3 kali, jika tiada ia mahu taubat dibunuhyia, hukumannya jangan dimandikan dan jangan ditanamkan pada kubur Islam."

Selain itu, pada masa penjajahan British, undang-undang Islam diiktiraf sebagai undang-undang negeri berdasarkan kes Ramah Iwn Laton. Dalam Enakmen Negeri Selangor 1952, iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952 terdapat peruntukan-peruntukan yang jelas tentang kaitan undang-undang Islam dengan Mazhab Syafie terutamanya dalam bahagian kesalahan-kesalahan. Selain itu, terdapat juga kes yang diputuskan oleh mahkamah yang tidak membenarkan perkahwinan perempuan yang bermazhab Syafie dengan lelaki yang bermazhab Hanafi kecuali apabila pengantin perempuan mengubah mazhabnya kepada Mazhab Hanafi.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, semua Enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri menyatakan tentang penggunaan Mazhab Syafie dalam pengeluaran fatwa, tafsiran hukum serta amalannya kecuali jika dengan pendapat Mazhab Syafie itu membawa kepada keburukan masyarakat, maka mazhab empat yang lain dapat diterimakai. Selepas undang-undang pentadbiran agama Islam dipinda dan diperlengkapkan untuk digunakan di negeri-negeri, maka peruntukan yang mengikatnya dengan mazhab Syafie masih dikekalkan(Zaini Nasohah,2004) kecuali Negeri Perlis yang tidak mengikut peruntukan ini kerana berpegang dengan sumber yang asas iaitu Quran dan Sunnah. Selain itu, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri Melayu yang diselaraskan terdapat peruntukan mengikat Mazhab Syafie sebagai asas pengeluaran fatwa dan tafsiran hukum.

Dengan adanya peruntukan ini, maka segala perkara yang berkaitan dengan hukum sama ada fatwa atau keputusan mahkamah mestilah merujuk kepada buku-buku yang bermazhab Syafie, sama ada buku-buku dalam bahasa Melayu atau Arab. Antara kitab-kitab Arab, kitab *Minhaj al-Talibin*, *Mughni al-Muhtaj*, *Nihayat al-Muhtaj*, *Ianat al-Talibin* dan lain-lain. Kitab-kitab Jawi pula seperti *Sabil al-Muhtadin*, *furu' al-Masail*, *Ahkam Syariah Johor*, *Majallah Ahkam Johor*, *Kifayat al-Muhtadin*, *Matla' al-Badrain* dan sebagainya.

Selain itu, Enakmen-enakmen Negeri-negeri yang berkaitan dengan hukum-hukum seperti hukum kekeluargaan, pusaka, wasiat dan jenayah termasuk juga prosedur dan keterangan dalam bidang kekeluargaan, harta dan jenayah yang berdasarkan Mazhab Syafie .

### **Pengaruh Ulama Tradisional Mazhab Syafie kepada Ilmu dan Pembangunan Masyarakat di Nusantara**

Sumbangan ulama tradisional Mazhab Syafie dalam memartabatkan ajaran Islam dalam masyarakat adalah besar dan meliputi sumbangan kepada golongan pemerintah dan masyarakat awam . Sungguhpun ulama tradisional Mazhab Syafie mengambil Mazhab Syafie sebagai asas dalam tafsiran hukum dan fatwa bukanlah bermakna mereka tidak berijtihad, tetapi ijtihad mereka masih berada dalam kerangka mazhab dengan menggunakan kaedah usul fiqh.

Ijtihad daripada ulama ini menyumbang kepada perkembangan perundangan di Nusantara pada peringkat awal ialah penggubalan undang-undang Islam untuk keperluan masyarakat Islam seperti di Malaysia dengan penggubalan Kanun Melaka pada 1444, kemudian diikuti dengan negeri-negeri lain seperti Pahang, Kedah dan lain-lain. Demikian juga ijtihad mereka dalam memilih amalan-amalan kerohanian untuk mengukuh hubungan masyarakat dan sosial seperti zikir-zikir kematian dan talqin, upacara-upacara keagamaan seperti mengingati kelahiran Nabi Muhammad SAW, tahun baru Islam, hari Asyura dan lain-lain(Muhammad Uthman, 1998)

Selain itu ulama Mazhab Syafie mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dalam usaha mereka mengembangkan bahasa Melayu dengan huruf Arab dalam bidang penyampaian ilmu dan pentadbiran negara, di samping penekanan mereka terhadap bahasa Arab dalam penyebaran ilmu. Mereka juga amat menghormati budaya bangsa dalam berpakaian dan berdakwah . Mereka tidak membawa balik budaya Arab dalam berpakaian, tetapi melahirkan bentuk pakaian Islam yang bercorak budaya Melayu, seperti baju Melayu dan dan berselindang untuk wanita. Mereka tidak menyekat wanita dari terlibat dalam kegiatan masyarakat sama ada untuk kepentingan dunia seperti dalam ekonomi, pertanian dan perusahaan, begitu juga dalam sosial seperti gotong-royong dalam majlis kenduri, perayaan-perayaan keagamaan dan menyelesaikan keperluan masyarakat. Mereka juga tidak disekat daripada terlibat dalam kegiatan keilmuan dan kegiatan kerohanian seperti menghadiri majlis-

majlis agama dan solat berjama'ah di masjid. Mereka diberi kebebasan bergerak dalam masyarakat selama tidak terdedah kepada bahaya dan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat, tidak seperti wanita dalam masyarakat Islam di negara-negara lain.

Sumbangan ulama' tradisional Mazhab Syafie dalam pembentukan budaya dalam masyarakat juga tidak dapat dinafikan. Budaya dalam majlis perkahwinan umpamanya, aspek agama turut diterapkan dan juga budaya seperti hiburan selawat dan paluan rebana diperkenalkan, majlis persandingan diadakan sebagai satu bentuk pengisytiharan perkahwinan dan persediaan jamuan makan serta buah tangan untuk tetamu. Demikian juga dalam pertukangan, perubatan, perbomohan dan perbidanan, ilmu mempertahankan diri, budaya berkhatan anak serta majlis khatam al-Quran.

Dalam bidang keilmuan, mereka menulis kitab dalam pelbagai bidang ilmu seperti fiqh, akidah, akhlak, perubatan, pertukangan, perusahaan dan lain-lain. Penulisan mereka juga meliputi pelbagai peringkat sama ada untuk kanak-kanak mahupun orang dewasa. Hasil penulisan mereka dalam bidang agama adalah lebih menonjol sama ada mereka menghasilkan karya asli atau menterjemahkan buku-buku rujukan muktabar yang diterbitkan di Timur Tengah.

Karya-karya penting seperti *Tafsir Baidawi*, *Ihya' Ulum al-Din* yang diberi judul *Siyar al-Salikin*, *Bidayah al-Hidayah* dengan tajuk *Hidayah al-Salikin* karya Abdul Samad al-Falanbangi, demikian juga kitab-kitab lain seperti *Matlaat Badrain*, *furu' al-Masail* oleh Sheikh Dawud dan lain-lain. Manakala karya dalam bahasa Arab pula didapati *Tafsir al-Qur'an* dan *Maraqiy al-Ubudiyyah* ulasan *Bidayat al-Hidayah* karya Sheikh al-Nawawi al-Jawi.

Dalam perundangan, mereka turut memberi sumbangan dalam bentuk susunan kanun untuk pentadbiran keadilan pemerintah yang berbeza dengan penulisan buku-buku fiqh. Ulama tradisional mengambil mazhab Shafi'i sebagai asas tafsiran hukum untuk kegunaan pemerintah dan masyarakat awam. Melalui pendekatan ini, memudahkan masyarakat memahami Islam dan memudahkan pemerintah melaksanakan Islam di peringkat negara. Dalam amalan keagamaan juga dari sudut fiqh umumnya berasaskan Mazhab Syafie dan dalam kerohanian dan tasawwuf diambil pemikiran al-Ghazali dan al-Nawawi.

Hasil daripada usaha ulama tradisional yang menggunakan pendekatan dakwah mendampingi pemerintah dan rakyat telah memberi kesan yang sangat besar terhadap Islam dan pembangunan umat. Islam dapat bertapak dalam pemerintahan, bahasa Melayu dan budaya Melayu di Nusantara dapat menjadi alat perpaduan ummah. Begitu juga tafsiran Islam yang seragam dalam bidang hukum di peringkat pemerintah dan rakyat dapat mengukuhkan perpaduan umat dan memudahkan pemerintah melaksanakannya. Masyarakat Islam di Malaysia dan Nusantara bersatu menjadi umat yang kuat, menjadi tonggak kepada kedaulatan negara dan Islam dijadikan agama negara serta turut menjadi salah satu daripada ciri-ciri orang Melayu (Mohd Ruzaimeuddin, 2009)

Pendekatan penyebaran ilmu yang diasaskan oleh ulama tradisional Mazhab Syafie diwarisi oleh ulama- ulama kemudian yang terdidik di Universiti al-Azhar dan Mekah dengan meneruskan pegangan amalan hidup keagamaan kepada Mazhab Syafie dan menggunakan ijtiihad dalam perkara-perkara yang diperlukan oleh masyarakat berasaskan kerangka mazhab mu'tabar dan kaedah usul fiqh.

Disebabkan itu, sesuatu hukum agama Islam yang telah sebatik dalam kehidupan masyarakat berasaskan mazhab Syafie dalam ibadat dan keluarga tidak diperlukan kepada ijтиhad baru, kecuali jika ada keperluan seperti ijтиhad tentang harta sepencarian dan bayaran zakat dengan mata wang. Bidang-bidang lain yang memerlukan ijтиhad maka ia diteruskan dengan mengambil kira pandangan mazhab Syafie kecuali dalam perkara yang tiada dalam perbincangan ulama Mazhab Syafie, pendapat mazhab lain diterima pakai dalam hal ini. Hal ini banyak terjadi dalam bidang muamalat yang mengambil beberapa jenis akad dari mazhab selain Syafie seperti al-Istisna' menurut pandangan Hanafi dan al-Tawarruq dari pandangan Hanbali (Zaharuddin, 2009). Begitu juga dalam proses mengkanunkan undang-undang syariah dalam Enakmen. Pendekatan ini membawa kepada perubahan pemikiran masyarakat dalam bidang hukum berlaku secara evolusi, teratur dan licin, serta tidak menggugat struktur besar pembinaan hukum dalam masyarakat di Nusantara.

### Kesimpulan

Dalam perkembangan semasa, dengan berpegang kepada mazhab tertentu dalam tafsiran hukum dan amalan seperti yang diamalkan di Nusantara seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei hakikatnya tidaklah menghalang kemajuan masyarakat. Berpegang dengan satu mazhab dalam perkara hukum yang berkaitan dengan ibadat dan kekeluargaan dapat mengukuhkan asas pembinaan masyarakat dan menguatkan perpaduan umat, manakala dalam bidang-bidang yang memerlukan ijтиhad seperti muamalat dan sebagainya, Mazhab Syafie memberikan ruang dengan mengamalkan ijтиhad supaya masyarakat hidup terarah kepada satu matlamat yang jelas. Rujukan masyarakat terhadap karya-karya dalam Mazhab Syafie berkaitan amalan sehari-hari masyarakat Islam di Nusantara menyebabkan masyarakat Islam Nusantara terdedah secara langsung dengan doktrin ajaran dan pemikiran Mazhab Syafie sehingga Mazhab Syafie popular dalam kalangan masyarakat Islam Nusantara dan menjadi mazhab rasmi dalam masyarakat dan negara di Nusantara .

Justeru itu, keceluaran pemikiran pelbagai mazhab yang berlaku di Timur Tengah yang menjadi penyebab terjejasnya perpaduan dan kebahagiaan hidup masyarakat Islam tidak dibawa ke alam Nusantara kerana kuatnya pengaruh Mazhab Syafie dalam masyarakat Islam di Nusantara. Ulama tradisional Mazhab Syafie dengan kekuatan ilmu dan komitmen dakwah kepada Islam telah dapat menyatukan umat Islam Nusantara dengan Mazhab Syafie , dari Filipina di Selatan sehingga ke Kemboja di Utara, hasil usaha ulama' tradisional Mazhab Syafie membangun ilmu dan umat dengan penuh rasa tanggungjawab .

### Rujukan

- A. Hasjmy(1995), *Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: PT. Bulan Bintang,  
Abdul Hadi Awang(2007) *Fahaman & Ideologi Umat Islam*.Batu Caves:PTS  
Abdul Latif Talib (2010) *Imam Syafie :Pejuang Kebenaran*.Batu Caves:PTS Litera Utama  
Ahmad Satori Ismail, *Pasang Surut Perkembangan Fiqh Islam*, Jakarta : Pustaka Tarbiatuna,  
Auni Haji Abdullah (2005) Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme dalam Sejarah Alam  
Melayu. Darul Fikir Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.  
Harun Nasution, *Teologi Islam Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Jakarta :  
Huzaemah Tahido Yanggo(2003), *Pengantar Perbandingan Mazhab*, Jakarta : Logos.  
M. Ali Hasan(1997), *Perbandingan Mazhab Fiqih*, Jakarta : PT Raja Grafindo Persada,  
Mahmud Yunus(1990), *Kamus Arab-Indonesia*, Jakarta : PT. Hidakarya Agung,  
Mohd Rosdi bin Nik Ahmad (2011),*Ilmuwan Nusantara*.Batu Caves:PTS  
Mohd Rumaizuddin Ghazali(2009) *10 Tokoh Sarjana Islam Paling Berpengaruh*. Batu  
Caves:PTS

- Muhammad Uthman El Muhamaddy(1998),*Jasa Imam Syafie dalam Islam*. Kuala Trengganu:Yayasan Islam Trengganu.
- Muhammad Yusof bin Ibrahim (1997),*Pensejarahan Melayu 1800-1960*.KL:DBP Mun'im A. Sirry(1995), *Sejarah Fiqh Islam*, Surabaya : Risalah Gusti,
- Mustafa Hj Daud (2004),*Tamadun Islam Edisi Maktab Perguruan*.KL:Utusan Publications &Distributors
- Romli SA(1999), *Muqaranah Mazahib fil Ushul*, Jakarta : Gaya Media Pratama.
- Saadan Man, Abdul Karim Ali, Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli, Inarah Ahmad Farid (2009) Kesesuaian Pemikiran Dan Amalan Mazhab Selain Syafi'i Dalam Masyarakat Islam Malaysia : Satu Analisis Awal. Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Syed Naquib al-Attas (1985 ) *Islam, Secularism, and the Philosophy of the Future*. US: Marshall Publication
- Zaharuddin Abdul Rahman(2009) *Untukmu Umat* .Shah Alam:Karya Bestari
- Zaini Nasohah(2004),*Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*.KL:Utusan Publications & Distributors